

Implikasi budaya takfir

ALHIJRAH: Allah dan Rasul tidak pernah memaksa sesiapa untuk memeluk Islam. Namun tatkala seseorang itu mengucap kalimah syahadah, adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mengamalkan Islam sepenuhnya. Apakah yang dimaksudkan dengan 'udkhuluu fissilmi kaaffah' di dalam al-Quran?

DR. ABDUL SHUKOR: Dalam Islam tidak ada paksaan untuk orang yang bukan Islam menganut agama Islam atau menerima akidah Islam. Ini ayat yang selalu kita fahami dan saya fikir orang ramai pun faham. Dengan sebab itu kita dalam Islam beriman, menerima dan meyakini suatu perkara iaitu pertama Islam mendasarkan kepada ilmu pengetahuan, bukan mendasarkan kepada paksaan.

Kedua, keyakinan dan ketiga ialah hatinya reda menerima apa yang dikemukakan kepada dia. Sebab itu kalau kita lihat dalam ayat al-Quran tugas para Nabi SAW terfokus iaitu menyampaikan, mengingatkan dan memberitahu kepada manusia.

FATWA Mufti Saudi pada masa itu al-Sheikh 'Abd al-'Aziz 'Abdillah bin Baz yang menyenaraikan perkara-perkara yang membatalkan Islam, dalam erti kata lain menjadikan seseorang kafir. "Berkeyakinan bahawa selain tuntutan Nabi Muhammad SAW itu lebih sempurna, atau berkeyakinan bahawa selain ketentuan hukum beliau itu lebih baik, sebagaimana mereka yang mengutamakan aturan-aturan manusia yang melampaui batas lagi menyimpan dari hukum Allah (aturan-aturan taghut), dan mengetepikan hukum Rasulullah SAW, maka yang berkeyakinan seperti ini adalah kafir. "Berpendapat bahawa melaksanakan hu-

MUKADIMAH

TAKFIR ialah perbuatan menyifatkan seseorang dengan kekafiran, atau menyifatnya dengan hukum kafir. Perbuatan itu dilakukan sama ada dengan alasan yang benar ataupun tidak. Kerana itulah, harus ditegaskan bahawa takfir merupakan hukum syar'i. Ia merupakan hak Allah dan Rasul-Nya.

Budaya takfir, ternyata memberi banyak kemudahan kepada masyarakat Islam jika diletak pada kedudukan yang salah. Program Bicara di TV Al Hijrah baru-baru ini cuba mengupas isu ini dengan menampilkan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin dan Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Dr. Juanda Jaya.



ABDUL SHUKOR



JUANDA JAYA

kum Allah dalam memotong tangan pencuri, atau merejam pelaku zina yang telah kahwin (muhsan), tidak sesuai lagi di masa kini."

Pada dasarnya, apakah kayu ukur kepada seseorang itu dikatakan kafir, sedangkan dia melakukan separuh daripada Rukun Iman dan Islam?

DR. JUANDA: Beriman kepada al-Quran satu daripada Rukun Iman. Apabila disebut beriman kepada al-Quran, ia membawa maksud beriman kepada apa sahaja yang ada di dalam al-Quran. Sebab itu Allah SWT mengherdik mereka yang memilih hukum selain al-Quran sehingga mungkin keluar pernyataan-pernyataan yang menyatakan hukum ini ketinggalan zaman dan sebagainya.

Ini kewajiban umat Islam, setiap yang mengaku muslim tidak boleh memilih-milih dan ia sudah berada di dalam kepompong Islam, maka ia terikat dengan apa sahaja peraturan yang ditetapkan oleh Islam.

Sebab itu bila kita sebut isu takfir, balikklah kepada al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ini peringatan yang cukup besar kepada seluruh umat Islam dan juga peringatan bagi kewajiban kepada para ulama untuk menjelaskan hukum-hukum kepada manusia.

Dalam erti kata lain, memang wujud perkara-perkara yang membatalkan Syahadah?

DR. ABDUL SHUKOR: Itulah yang dikatakan tadi, bila kita menerima Islam ertinya kita menerima kesemuanya. Jangan terima apa yang kita suka kerana kita manusia dan bukannya Tuhan dan yang mengetahui tentang kita keseluruhannya adalah Allah SWT. Dengan sebab itu, kita harus menerima Islam dengan secara reda, senang, ilmiah dan sebagainya.

Negara pernah dan masih digemparkan dengan isu 'takfir'. Apakah maksud 'takfir' dan sejarahnya. Adakah ia wujud sejak zaman Rasulullah? Puncanya?

Takfir membawa maksud saling kafir-mengkafirkan kepada antara satu sama lain. Sebab itu ahli Sunnah Wal Jamaah berpegang kepada asas iaitu orang yang melakukan dosa besar tidak terkeluar daripada Islam selagi mana tidak terbatal perkara-perkara berkaitan dengan Rukun Iman, syahadah dan sebagainya

DR. JUANDA
Mufti Kerajaan Negeri Perlis

DR. JUANDA: Gejala takfir ataupun gejala riddah bermula seawal pemerintahan Abu Bakar as-Siddiq R.A. Apabila satu golongan manusia setelah wafat Nabi SAW, mereka enggan membayar zakat kepada khalifah sehingga Abu Bakar as-Siddiq R.A. menyatakan "Sesungguhnya aku akan memerangi orang yang membezakan di antara solat dan zakat", yakni mereka mengakui sebahagian hukum Islam tetapi mengabaikan sebahagian yang lain.

Ketegasan ini tujuannya adalah memelihara manusia Islam itu sendiri dan sebagaimana kita ketahui, lahirnya Syiah juga bermula daripada budaya takfir.

Takfir membawa maksud saling kafir-mengkafirkan kepada antara satu sama lain. Sebab itu ahli Sunnah Wal Jamaah berpegang kepada asas iaitu orang yang melakukan dosa besar tidak terkeluar daripada Islam selagi mana tidak terbatal perkara-perkara berkaitan dengan Rukun Iman, syahadah dan sebagainya.

Bagaimana susur galur sejarah takfir ini? Dan bagaimana akhirnya ia merebak ke Malaysia?

DR. ABDUL SHUKOR: Sebab itu ahli Sunnah Wal Jamaah mengatakan bahawa orang yang melakukan dosa besar ini adalah mukmin yang melakukan maksiat. Dan dia masih beragama Islam dan beriman. Ini pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga pegangan 99 peratus umat Islam daripada dulu hingga sekarang.

Ini menjadikan umat Islam di negara kita juga sudah mula menjadi kacau-bilau. Umat Islam sudah merasa gelisah kerana implikasi mengkafirkan orang ini adalah implikasi yang sangat besar kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Di Malaysia kehidupan, geografi, bangsa dan budaya kita adalah pelbagai dan kita mesti pertimbangkan keseluruhannya supaya masyarakat hidup bersatu, bermuafakat di dunia dan akhirat.